

LAPORAN TAHUNAN 2022

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KELANTAN



KANDUNGAN

	Mukasurat
Kata-kata Aluan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan	III
Misi dan Visi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan	IV
BAB 1 : PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	
1.1 Pengurusan Sumber Manusia	2-9
1.2 Pengurusan Kewangan	10-11
BAB 2 : BAHAGIAN OPERASI	
2.1 Punca Tetap	13-19
2.1.1 Pemeriksaan Dan Pematuhan Bagi PYDT	
2.1.2 Pemeriksaan Dan Pematuhan Bagi PYBDT	
2.1.3 Permohonan Pemberitahuan Bertulis Dan Perisytiharan Bertulis	
2.2 Punca Bergerak	20-23
2.2.1 Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Yang Berkaitan Dengan Aktiviti Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor	
2.3 Program Tanah Gambut	24-28
2.3.1 Pengurusan Tanah Gambut	
2.4 Unit Mahkamah	29-30
2.4.1 Kompaun	
2.4.2 Pendakwaan	
2.5 Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Pembakaran Terbuka	31-33
2.5.1 Maklumbalas Pengaduan Awam	

2.6	Pengawasan	34-57
2.6.1	Pengawasan Kualiti Air Sungai	
2.6.2	Status Kualiti Air Sungai	
2.6.3	Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik	
2.6.4	Tren Pencemaran Air Sungai	
2.6.5	Pemantauan Kualiti Air Tanah	
2.6.6	Status Kualiti Air Marin	
2.6.7	Pemantauan Kualiti Udara	

BAB 3 : BAHAGIAN PEMBANGUNAN

3.1	Input Pembangunan	59-61
3.2	Kebenaran Bertulis	61
3.3	Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)	62-64
3.3.1	Projek-Projek EIA Mengikut Daerah	
3.3.2	Laporan EIA Diterima Mengikut Jenis Aktiviti	
3.4	Penguatkuasaan EIA	64-65
3.5	Pendidikan dan Program Kesedaran Alam Sekitar	66-75
3.5.1	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara	
3.5.2	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	
3.5.3	Sambutan Hari Bumi	
3.5.4	Sambutan Hari Ozon	
3.5.5	Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (BEE)	
3.5.6	Penyertaan Sekolah Dalam Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)	
3.5.7	Ceramah Alam Sekitar	
3.5.8	Pameran Alam Sekitar	
3.5.9	Keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS)	



KATA-KATA ALUAN PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KELANTAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu

Segala pujian kepada Allah s.w.t tuhan yang memiliki sekalian alam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan keluarga serta para sahabat Baginda.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada setiap individu di dalam Jabatan Alam Sekitar kerana usaha gigih dan komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2022. Prestasi kita sepanjang tahun mencerminkan semangat kecemerlangan dan kesungguhan untuk menjadikan negara kita lebih lestari dan mesra alam.

Laporan Tahunan 2022 kita adalah bukti ketekunan dan keazaman kita untuk melibatkan masyarakat, sektor swasta, dan agensi lain dalam usaha kita untuk melindungi dan menjaga alam sekitar. Dalam setiap tindakan dan inisiatif, kita sentiasa berusaha untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan dan kelestarian alam, dengan mengutamakan tanggungjawab kita terhadap generasi akan datang.


Melalui laporan ini, kita dapat melihat pencapaian-pencapaian yang signifikan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Alam Sekitar. Setiap data dan maklumat yang terkandung di dalamnya menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang keadaan alam sekitar negara kita, memberi landasan untuk tindakan dan keputusan masa depan.

Saya ingin menekankan pentingnya kerjasama dan komunikasi terus-menerus antara semua pihak yang terlibat dalam usaha kelestarian alam sekitar. Kita perlu terus bersatu demi melindungi dan menyelamatkan sumber alam kita. Kejayaan kita tidak hanya bergantung pada usaha individu tetapi merupakan hasil dari sinergi dan kolaborasi yang berterusan.

Dengan penuh yakin, saya percaya bahawa laporan ini bukan hanya mencerminkan pencapaian kita dalam tahun semasa, tetapi juga menjadi titik tolak untuk usaha kita pada masa akan datang. Kita harus terus berinovasi, mengambil tindakan proaktif, dan memberi keutamaan kepada isu-isu alam sekitar yang semakin mendesak.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada setiap individu di dalam Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan, serta semua yang telah bersama-sama membentuk perjalanan kita sepanjang tahun ini. Semoga usaha kita akan terus memberikan impak positif kepada alam sekitar negara kita.

**WAN AMINORDIN BIN WAN KAMARUDDIN
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KELANTAN**





W9S9

**PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT**

V9S9

**MEMASTIKAN PEMBANGUNAN LESTARI
DALAM PROSES PEMBANGUNAN NEGARA**



The background features a light cream color with scattered small grey dots. Large, soft-edged abstract shapes in shades of tan and light green are layered across the page. Botanical line drawings of plants with long, narrow leaves are positioned in the top right and bottom left corners. Four four-pointed starburst shapes, two in tan and two in a darker brown, are scattered throughout the design.

BAB 1

BAHAGIAN PENTADBIRAN

1.1 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu Unit Kewangan, Unit Stor/Fail Pentadbiran dan Unit Pentadbiran/Pekhidmatan. Peranan dan fungsi utamanya adalah memberi khidmat sokongan dalam menguruskan pentadbiran dan hal ehwal sumber manusia serta mengurus dan mengawasi hal ehwal kewangan Jabatan.

1.1.1 Perjawatan


Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan (JASNK) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C52, dibantu oleh seorang Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 merangkap Timbalan Pengarah, 2 orang Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44 dan seorang Ketua Pembantu Tadbir Gred N22. Struktur organisasi Jabatan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu Bahagian Operasi I, Bahagian Operasi II, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pentadbiran & Kewangan.

Jumlah perjawatan di JASNK sebanyak 40 perjawatan yang terdiri daripada 25 orang pegawai dan kakitangan teknikal serta 15 orang kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Pejabat cawangan, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang (JASCGM) telah ditubuhkan pada tahun 2012 diketuai oleh seorang Ketua Cawangan Gred C44 dan dibantu oleh 7 orang kakitangan teknikal serta 2 orang di Bahagian Pentadbiran bagi memantapkan operasi Jabatan.

Terdapat 2 kekosongan perjawatan bagi tahun 2022. Kedudukan pegawai dan kakitangan mengikut waran perjawatan adalah seperti Carta 1.1.

Carta 1.1 JAS Kelantan : Carta organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan bagi tahun 2022



Jadual 1.1 JAS Kelantan: Kedudukan perjawatan mengikut gred dan pengisian bagi tahun 2021

BIL	SENARAI JAWATAN	GREED	BILANGAN JAWATAN	PENGISIAN
1	Pengarah / Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52	C52	1	1
2	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	C44	2	2
3	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44	C44	2	1
4	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38	C38	2	2
5	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32	C32	6	6
6	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29/32 (TBK)	C29/C32 (TBK)	8	8
7	Penolong Jurutera Gred JA29/30/36 (TBK)	JA29	12	12
8	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	N22	1	1
9	Pembantu Akauntan Gred W19/W22 (TBK)/Penolong Akauntan Gred W29(KUP)	W22(TBK)/W29(KUP)	2	2
10	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22 (TBK)	N19	5	4
11	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22 (KUP)	N19	2	2
12	Pembantu Operasi Gred N11/N14 (TBK)	N11	1	1
13	Pemandu Kenderaan Gred H11/H14 (TBK)	H11	6	6
	JUMLAH		50	48

1.1.2 Latihan dan Kursus

Kehadiran kursus sepanjang tahun 2022 bagi semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan mencapai sasaran dan KPI yang telah ditetapkan oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar sebanyak tujuh (7) hari setahun.

Jadual 1.2 JAS Kelantan: Bilangan kehadiran kursus tahun 2022

BIL	≥ 7 HARI KURSUS	≤ 7 HARI KURSUS	JUMLAH
1	48	-	48

1.1.3 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Seramai empat (4) orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 seperti berikut:-

Jadual 1.3 JAS Kelantan: Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan, 2022

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Zahirruan bin Talib	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32 (TBK 1) Bahagian Operasi I
2	Azman bin Ali	Penolong Jurutera Gred JA29 JAS Cawangan Gua Musang
3	Amat Bustam bin Addelan	Pemandu Kenderaan Gred H11 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
4	Kamarolzaman bin Hussin	Pembantu Operasi Gred N14 (TBK 1) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

1.1.4 Pertukaran Staf

Pegawai Bertukar Masuk

Pertukaran masuk ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Jadual 1.4 JAS Kelantan: Senarai pertukaran masuk, 2022

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH MASUK	TEMPAT LAMA
1	Hasra Masrifah binti Wan Jusoh @ Ab. Rahim	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	6.2.2022	JAS Negeri Terengganu
2	Akmal Tajuddin bin Mohamad	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32	13.2.2022	JAS Negeri Melaka
3	Nur Afiefah Alieyah binti Mohd Hanafi	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	3.4.2022	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Kelantan
4	Mohd Lokman bin Othman	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38	22.5.2022	JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5	Mohd Sahidi bin Said	Penolong Jurutera Gred JA29	15.8.2022	Politeknik Kota Bharu
6	Suzielawatie binti Abd. Ghani	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	13.11.2022	JAS Ibu Pejabat

Pegawai Bertukar Keluar

Pertukaran keluar daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Jadual 1.5 JAS Kelantan: Senarai pertukaran keluar tahun 2022

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH KELUAR	TEMPAT BARU
1	Mohd Ridhuan bin Ramli	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	3.2.2022	JAS Negeri Terengganu
2	Mohd Amin binti Othman	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C32	3.2.2022	JAS Negeri Terengganu
3	Zamri bin Mat Sidik	Penolong Jurutera Gred JA29	7.2.2022	Politeknik Kota Bharu
4	Nor Zulaihan binti Mustafha	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	3.4.2022	Pusat Pemulihan Akhlak Machang
5	Wan Rosli bin Wan Mamat	Penolong Jurutera, JA29	15.8.2022	Pejabat Pendidikan Daerah Bachok

1.1.5 Persaraan / Penamatan Perkhidmatan Staf

Persaraan pegawai di Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Jadual 1.6 JAS Kelantan: Senarai persaraan tahun 2022

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1	Azlan bin Mohamad	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38 (Pencen Pilihan)	1.5.2022
2	Salwani binti Salleh	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK 1) (Pencen Paksa)	27.9.2022
3	Tengku Noriah binti Tengku Yusoff	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK 1) (Pencen Pilihan)	1.10.2022

1.2 PENGURUSAN KEWANGAN

1.2.1 Peruntukan Mengurus

Bagi Tahun Kewangan berakhir 2022 jumlah keseluruhan peruntukan mengurus yang diterima Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan adalah sebanyak RM3,820,371.04 Perbelanjaan pada Tahun 2021 adalah sebanyak RM3,771,939.60 untuk peruntukan mengurus.

Jadual 1.6 JAS Kelantan: Peruntukan mengurus bagi tahun kewangan 2021 dan 2022

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN MENGURUS(RM)
2022	3,820,371.04
2021	3,771,939.60
BEZA	1,129,942.02

Jadual 1.7 JAS Kelantan: Perincian Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Bagi Tahun Kewangan 2022

PERIHAL	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERUNTUKAN DIBELANJA (RM)	BAKI (RM)
11000 - Gaji dan Upahan	2,330,250.14	2,330,250.14	0.00
12000 - Elaun Tetap	520,119.42	520,119.42	0.00
13000 – Sumbangan Berkanun	1,188.00	1,188.00	0.00
14000 - Elaun Lebih Masa	101,138.80	101,138.80	0.00
15000 - Faedah Kewangan	10,631.34	10,631.34	0.00
17000 - Imbuan Tahunan	0.00	59,500.00	(59,500.00)
21000 - Perbelanjaan Perjalanan	121,255.72	121,255.72	0.00
22000 - Pengangkutan Barang	1,000.00	1,000.00	0.00
23000 - Perhubungan dan Utiliti	92,922.28	92,922.28	0.00
24000 - Sewaan	270,835.00	270,835.00	0.00
25000 - Bahan Makan dan Minuman	999.80	999.80	0.00
26000 - Bekalan Bahan Mentah	32,241.77	32,241.77	0.00
27000 - Bekalan dan Bahan lain	30,196.65	30,196.65	0.00
28000 - Penyelenggaraan	105,342.18	105,342.18	0.00
29000 - Perkhidmatan/Hospitaliti	134,749.94	134,749.94	0.00
42000 - Pemberian Dalam Negeri	8,000.00	8,000.00	0.00
JUMLAH	3,760,871.04	3,820,371.04	(59,500.00)

1.2.2 Kutipan Hasil

Kutipan Hasil sepanjang Tahun Kewangan berakhir 2022 ialah sebanyak RM 129,031.37 mencatat peningkatan 58.72% berbanding pada Tahun 2021 iaitu sebanyak RM 75,767.53.

Jadual 1.8 JAS Kelantan: Perincian Kutipan Hasil Mengikut tahun antara tahun 2022 dan 2021

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN HASIL(RM)
2022	129,031.37
2021	75,767.53
BEZA	53,263.84

Jadual 1.9 JAS Kelantan: Perincian Jumlah Kutipan Hasil Mengikut Kategori Bagi Tahun 2022

PERIHAL	JUMLAH (RM)	PERATUSAN %
Bayaran kompaun	115,550.00	89.55
Bayaran Lesen dan Kebenaran Bertulis	13,481.37	10.45
Bayaran Elaun Tanggung Jawab dan Elaun Tetap	0.00	0.00
Bayaran Hasil Tahun Lalu	0.00	0.00
JUMLAH	129,031.37	100

The background features a light cream color with scattered small brown and green dots. There are several four-pointed starburst shapes in brown and light green. Large, soft-edged abstract shapes in shades of beige and light green are layered across the page. Botanical line drawings of plants with long, narrow leaves are positioned in the top right and bottom left corners.

BAB 2

BAHAGIAN OPERASI

2.1 PUNCA TETAP

Penguatkuasaan berkesan merupakan salah satu aktiviti penting hasil daripada pemeriksaan punca-punca tetap yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi mengawal pencemaran alam sekitar. Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan bertanggungjawab bagi memastikan setiap punca industri samada pembuatan atau bukan pembuatan mematuhi perundangan berkaitan.

2.1.1 Pemeriksaan Dan Pematuhan Bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Pemantauan terhadap Premis Yang Ditetapkan (PYDT) adalah berdasarkan 4 peraturan utama iaitu :

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978;
- ii. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Sawit Mentah) 1978;
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Kilang Getah Asli Mentah

Kilang Getah Asli Mentah dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan (PYDT) di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah), 1978 . Operasi PYDT ini adalah tertakluk kepada keperluan Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang mengkehendaki pemilik premis ini perlu mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menduduki dan/atau menggunakan premis.

Pada tahun 2022, sebanyak **dua (2)** buah kilang getah asli mentah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. Ke semua kilang ini telah dilesenkan untuk melepaskan efluen yang telah diolah ke alur air. Sebanyak **8** pemeriksaan ke atas kilang getah asli mentah yang telah dilesenkan. Tiada notis arahan atau kompaun dikeluarkan kepada kilang getah yang telah dilesenkan. Pencapaian pematuhan keseluruhan kilang getah asli yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978 pada suku tahun ke 4 adalah 100 peratus.

Kilang Kelapa Sawit

Sejumlah sepuluh (**10**) buah kilang kelapa sawit mentah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Sawit

Mentah) 1977 pada tahun 2022. Daripada 10 buah PYDT yang dilesenkan tersebut, sebanyak sembilan (**9**) buah kilang telah dilesenkan untuk melepaskan efluen yang diolah ke dalam alur air, sebuah (**1**) kilang untuk melupuskan efluen dengan menggunakan gabungan kaedah alur air dan ke atas tanah.

Sepanjang tahun 2022, **98** pemeriksaan ke atas kesemua 10 kilang kelapa sawit yang telah dilesenkan telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan. Pada tahun 2022, **9** notis arahan telah dikeluarkan kepada tiga (**3**) buah kilang bagi keperluan pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Sawit Mentah) 1977. Pencapaian pematuhan keseluruhan kilang kelapa sawit mentah yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Sawit Mentah) 1977 pada sukutahun ke 4 adalah **100** peratus.

Premis Buangan Terjadual

Pada tahun 2022, **empat (4)** buah premis PYDT telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual)(Pindaan 2006). Sebanyak **tiga (3)** premis menjalankan aktiviti penstoran luar tapak bagi separa e-waste manakala **sebuah** premis menjalankan penstoran luar tapak selain daripada e-waste seperti minyak atau pelarut. Sebanyak **16** pemeriksaan telah dilakukan pada tahun tersebut dan dan **1** kompaun serta tiada notis arahan dikeluarkan. Pencapaian pematuhan keseluruhan bagi premis buangan terjadual pada sukutahun 4 adalah **100** peratus.

Jadual 2.1 JAS Kelantan : Status tindakan pemeriksaan bagi Premis Yang Ditetapkan, 2022

Bil	Jenis Industri	Bil. Punca	Pemeriksaan	Status Pematuhan		Premis Patuh (% Peratus)
				Patuh	Tidak Patuh	
1	Premis Yang Ditetapkan (Minyak Kilang Sawit Mentah) 1977	10	98	10	0	100%
2	Premis Yang Ditetapkan (Kilang Getah Asli Mentah) 1977	4	8	2	0	100%
3	Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual)	4	16	4	0	100%

2.1.2 Pemeriksaan Dan Pematuhan Ke Atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Pada tahun 2022, sebanyak **548 pemeriksaan** telah dijalankan ke atas PYBDT secara pemeriksaan lapangan dan pematuhan sendiri. Daripada 645 pemeriksaan yang dijalankan sebanyak **115 premis** yang tidak patuh sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 2.2.

Jadual 2.2 JAS Kelantan : Status pemeriksaan PYBDT mengikut jenis industri, 2022


Bil.	Jenis Premis	Bil. Punca	Pemeriksaan	Status Pematuhan		% Peratus
				Patuh	Tidak Patuh	
1.	PYBDT (Pembuatan)	418	219	171	45	78.08
2	PYBDT (Bukan Pembuatan)	1224	282	216	62	76.60
3	Kumbahan	79	17	10	7	58.82
4	Loji Rawatan Air	31	19	18	1	94.74
5	Tapak Pelupusan Sampah	10	9	9	0	100

Jadual 2.3 menunjukkan status tindakan pemeriksaan yang dijalankan di premis di Negeri Kelantan. Bagi tahun 2021, sebanyak **161 notis arahan** telah dikeluarkan, **59 tawaran kompaun** telah ditawarkan kerana pelbagai kesalahan seperti di bawah iaitu:


- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009;
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Jadual 2.3 JAS Kelantan : Status tindakan penguatkuasaan bagi Premis Yang Ditetapkan, 2022

Bil	Jenis Industri	Jum. Premis	Pemeriksaan	Tindakan		
				Notis Arahan	Kompaun	Buka Kertas Siasatan
1.	Premis Yang Ditetapkan (Kilang Kelapa Sawit) 1977	10	98	10	0	7
2	Premis Yang Ditetapkan (Kilang Getah Asli Mentah) 1977	2	8	0	0	0
3	Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual)	4	16	0	1	0
4	Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	2394	548	151	58	5



Rajah 2.1 JAS Kelantan : Status tindakan bagi pemeriksaan PYDT dan PYBDT, 2022



Rajah 2.2 JAS Kelantan : Bilangan pemeriksaan dan status pematuhan (PYBDT) Mengikut Jenis Industri, 2022

2.1.3 Permohonan Pemberitahuan Bertulis Dan Perisytiharan Bertulis

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Kelantan telah menerima dan menyemak sebanyak **145 permohonan** bagi Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis. Permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi alat pembakaran bahan api dan sistem kawalan pencemaran udara di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 adalah tertinggi berbanding dengan permohonan lain seperti sistem kawalan pencemaran efluen perindustrian dan kumbahan.

Selain itu, sebanyak **56 permohonan** telah diterima bagi permohonan Perisytiharan Bertulis sebagaimana kehendak di bawah Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. **Jadual 2.4** menunjukkan jumlah Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis yang diterima dan disemak mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Jadual 2.4 Kelantan : Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis yang diterima dan disemak, 2022

BIL	PERKARA	JUMLAH
	Pemberitahuan Bertulis	
1	Alat Pembakaran Bahanapi dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara	80
2	Efluen Perindustrian	4
3	Kumbahan	5
	Perisytiharan Bertulis	
4	Alat Pembakaran Bahanapi dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara	56

2.2 PUNCA BERGERAK

2.2.1 Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS), 1974 Yang Berkaitan Dengan Aktiviti Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor

Jadual 2.5 JAS Kelantan: Operasi penguatkuasaan, 2022

PERATURAN BERKAITAN	BIL. OPERASI	PEMERHATIAN	PEMATUHAN	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH NOTIS ARAHAN	JUMLAH SURAT ARAHAN
PPKAS (Diesel & Petrol) 1996 ; Per.11 & Per.10.	47	1650	1565	32	109	0
PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987	10	72	72	0	4	0
Ops. Kamera Video (Diesel)	200	4562	4562	0	14	0
Ops. Kamera Video (Petrol)	35	520	520	0	0	0

Pelepasan dari kenderaan bermotor telah dikenalpasti sebagai salah satu penyumbang kepada pencemaran udara . Pelepasan asap serta gas seperti karbon monoksida, sulfur dioksida, oksida-oksida nitrogen, hidrokarbon dan partikulat merupakan bahan pencemar yang berpunca dari kenderaan bermotor. Kenderaan diesel akan diuji menggunakan meter asap dan tahap yang dibenarkan ialah 50 HSU atau 48.5% opacity. Pelepasan melebihi had yang dibenarkan, tawaran kompaun akan dikeluarkan serta merta dan pemilik kenderaan hendaklah menyelenggara kenderaan dan diarahkan untuk ujian semula.





Gambar 2.1 JAS Kelantan : Pengujian pelepasan asap daripada kenderaan diesel sedang dijalankan

Jadual 2.6 JAS Kelantan: Data operasi penguatkuasaan premis, 2022

PERATURAN BERKAITAN	BIL. INVENTORI	BIL. LAWATAN	JUMLAH KOMPAUN	JUMLAH NOTIS ARAHAN	JUMLAH SURAT ARAHAN
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.17	2	2	0	0	0
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.18	30	20	0	0	10
PPKAS (Pengurusan Refrigerant) 1999	22	13	0	0	3
PPKAS (Diesel) 1996 ; Per.16	1	12	0	0	0

Sebanyak 20 kali pemeriksaan ke atas premis pengendali berkumpulan telah dikuatkuasakan sepanjang tahun 2022. Pengendali berkumpulan adalah syarikat yang mempunyai lebih daripada 10 buah kenderaan diesel. Aspek yang diperhatikan semasa pemeriksaan adalah pengendalian bahan buangan terjadual dan rekod pemeriksaan kenderaan berkala dengan PUSPAKOM. Daripada rekod JAS terdapat sebanyak 30 buah pengendali berkumpulan (Fleet Operator-FO).

Penguatkuasaan bahan refrigerant adalah untuk memastikan bahawa bahan refrigerant yang terlarang di bawah Protokol Montreal tidak lagi digunakan dalam pasaran. Daripada 22 buah premis yang berdaftar, sebanyak 13 buah premis telah diperiksa secara rawak sepanjang tahun 2022.



Gambar 2.2 JAS Kelantan : Pemeriksaan terhadap Premis Pengendali Berkumpulan (FO)



Gambar 2.3 JAS Kelantan : Pemeriksaan terhadap Premis Pengendali Berkumpulan (FO)




Gambar 2.4 JAS Kelantan : Pemeriksaan Bahan Refrigeran (RI)

2.3 PROGRAM TANAH GAMBUT

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah menerima peruntukan daripada Ibu Pejabat JAS untuk pembinaan infrastruktur tambahan di bawah program pengurusan dan pencegahan kebakaran tanah gambut yang sering terbakar. Kemudahan ini terletak di Beris Lalang, Bachok dan Mukim Apam, Pasir Mas memandangkan dua kawasan tanah gambut ini sering terbakar setiap tahun. Mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Program Tanah Gambut Yang Sering Terbakar telah diadakan bagi membincangkan dan menyelaraskan tindakan kawalan dan pencegahan kebakaran di tanah gambut. Agensi lain yang terlibat adalah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Bachok, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas dan Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok.

Jadual 2.7 JAS Kelantan: Projek Infrastruktur Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu Di Negeri Kelantan

JAJAHAN	CHECK DAM	TELAGA TIUB
BACHOK	23 (SELIAAN JPS)	9 (SELIAAN JMG)
PASIR MAS	9 (SELIAAN JPS)	4 (SELIAAN JMG)



Rajah 2. 3 JAS Kelantan : Peta Lokasi Telaga Tiub dan 'Check Dam' sedia ada di Bachok



Rajah 2. 4 JAS Kelantan : Peta Lokasi Telaga Tiub dan 'Check Dam' sedia ada di Pasir Mas

2.3.1 Pengurusan Tanah Gambut

Kawasan tanah gambut di Beris Lalang Bachok dan Mukim Apam Pasir Mas merupakan kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan '*fire prone areas*' di Negeri Kelantan yang sering berlaku pembakaran terbuka pada musim panas dan kering pada setiap tahun. Walaupun kebakaran berjaya dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, pelepasan asap dari kawasan yang terbakar menjadi masalah utama kerana masih terdapat api pembaraan di dalam tanah gambut tersebut yang sukar dipadamkan kerana sumber air yang terhad sehingga menyebabkan kemerosotan kualiti udara di kawasan sekitar dan menjadi rungutan orang awam serta kes-kes aduan berulang.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani masalah pembakaran telah diwujudkan kawasan tanah gambut yang sering terbakar, satu Pelan Tindakan Bersepadu di antara agensi yang terdiri dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains serta agensi-agensi melalui Jawatankuasa Pengurusan Tanah Gambut Yang Sering Terbakar. Agensi-agensi lain yang terlibat adalah Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Pasir Mas, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas dan Projek Kemasin Semerak (IADA). Pelan Tindakan ini telah dilaksanakan untuk kawasan tanah gambut di Bachok dan Pasir Mas dengan mewujudkan konsep pengurusan air bagi tujuan mengekalkan kelembapan dan meninggikan paras air pada tanah gambut.

Seiring dengan itu juga, program seminar telah di jalankan pada tahun 2022 berkenaan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Tanah Gambut yang melibatkan ahli jawatankuasa tanah gambut Negeri Kelantan dan pemasangan papan tanda larangan pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut Bachok dan Pasir Mas, Kelantan.



Gambar 2.5 JAS Kelantan : Program bersama ahli Jawatankuasa Pengurusan Tanah Gambut Yang Sering Terbakar Negeri Kelantan.



Gambar 2.6 JAS Kelantan : Program pemasangan papan tanda larangan pembakaran terbuka


2.4 UNIT MAHKAMAH

Tindakan undang-undang merupakan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada Unit Mahkamah. Unit ini berperanan mengemaskini kertas siasatan, mendaftar kes di mahkamah dan menyelesaikan kes-kes yang diambil tindakan saman di mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan – Peraturan di bawahnya.

Unit ini juga ditugaskan untuk menyelesaikan kes-kes rayuan kompaun yang diterima daripada mereka yang didapati melanggar Peraturan – Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 melalui satu jawatankuasa rayuan yang di pengerusikan oleh Tuan Pengarah.

2.4.1 TAWARAN KOMPAUN

Tawaran kompaun adalah satu daripada tindakan penguatkuasaan bagi kes ketidakpatuhan peraturan yang ditetapkan. Sebanyak 105 tawaran kompaun telah ditawarkan kepada premis, syarikat atau individu kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sebanyak 63 tawaran kompaun yang ditawarkan adalah ketidakpatuhan untuk kes-kes Buangan Terjadual 2005, 32 Kes Punca Bergerak (Diesel) & Petrol 1996, 6 Kes Seksyen 29A Pembakaran Terbuka dan 4 Kes Effluen Perindustrian.



Rajah 2.9 Kelantan : Jumlah Tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan

2.4.2 PENDAKWAAN


Sepanjang tahun 2022 sejumlah sembilan (9) kertas siasatan dibuka bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah tersebut 6 kes telah diselesaikan dan 3 kes masih dalam proses tindakan mahkamah. **Jadual 2.8** menunjukkan bilangan kes kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2022.

Jadual 2.8 Kelantan : Bilangan Kertas Siasatan yang di buka pada tahun 2022


KESALAHAN (SEKSYEN)	DAFTAR	KOMPAUN	DAFTAR	SELESAI	DENDA (RM)
16(1) – Pematuhan Industri Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	1	1	1	0	0
34 A (6)- Menjalankan Aktiviti Pertanian Tanpa Kelulusan EIA	1	1	1	0	0
34 A (6)- Menjalankan Aktiviti PerlombonganTanpa Kelulusan EIA	1	1	1	0	0
Kes Seksyen 29A - Pembakaran Terbuka	6	6		6	12000.00
Jumlah	9	6	3	6	12000.00

2.5 PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA

Kes pembakaran terbuka dikesan melalui operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka yang dilaksanakan oleh JAS Negeri Kelantan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang berisiko berlaku kebakaran dan sering menerima aduan daripada orang awam. Di samping itu maklumat hotspots juga diperolehi melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura. Pada tahun 2022 sebanyak 8 hotspots di seluruh negeri telah dilaporkan melalui satelit. Sebanyak 41 kes pembakaran terbuka secara keseluruhan telah dikesan pada tahun 2022 dan dilaporkan melalui sistem atas talian dalaman JAS iaitu Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (e-KAS). Semua kes telah disiasat dan diambil tindakan pemadaman selain tindakan undang-undang seperti notis arahan dan kompaun. Kejadian pembakaran terbuka yang utama sering berlaku adalah pembakaran sampah sarap di kawasan perumahan, pembakaran sampah sarap di tepi bahu jalan, belukar dan pertanian terutamanya semasa cuaca panas dan kering iaitu pada bulan Mac hingga September. Berdasarkan kepada data bilangan hotspot serta pembakaran terbuka bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2022, terdapat penurunan jumlah bilangan hotspot dan kes pembakaran terbuka.




Rajah 2.6 JAS Kelantan : Bilangan pembakaran terbuka dan hotspot tahun 2020 hingga 2022



Rajah 2.7 JAS Kelantan : Bilangan kes pembakaran terbuka mengikut kategori, 2022

2.5.1 Maklumbalas Terhadap Pengaduan Awam

Pada tahun 2022, sejumlah 147 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh JAS Kelantan. Kes-kes aduan telah diambil tindakan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya oleh pejabat JAS Negeri Kelantan. Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, bilangan aduan pencemaran yang tertinggi adalah berkaitan dengan pencemaran udara iaitu 110 (77%), 13 (9%) pencemaran air, 9 (6%) pencemaran bunyi, 1 (1%) buangan terjadual, 2 (1%) sungai, 1(1%) tumpahan minyak dan 11 (7%) lain-lain aduan (Rajah 2.8).



Rajah 2.8 JAS Kelantan : Bilangan aduan mengikut jenis pencemaran, 2022

2.6 PENGAWASAN

2.6.1 Pengawasan Kualiti Air Sungai Manual

Jabatan Alam Sekitar (JAS) meneruskan program pengawasan kualiti air sungai pada tahun 2022 bagi menentukan kualiti air sungai dan mengesan perubahan ke atas kualiti air sungai. Sampel- sampel air sungai diambil daripada stesen-stesen yang telah ditetapkan dan diukur kualitinya secara in-situ serta dihantar ke makmal untuk dianalisis bertujuan menentukan kriteria dari segi fizik-kimia dan biologi. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk mengukur tahap pencemaran dan kesesuaian jenis guna air seperti yang digariskan oleh Standard Kualiti Air Negara (**ANNEX**).

IKA telah mengambil kira enam (6) parameter, iaitu oksigen terlarut (DO), keperluan oksigen biokimia (BOD), keperluan oksigen kimia (COD), ammoniakal nitrogen (AN), pepejal terampai (SS) dan pH.


2.6.2 Status Kualiti Air Sungai

Pada tahun 2022, kualiti air sungai telah dinilai berdasarkan 505 sampel air sungai yang telah diambil daripada 83 stesen pengawasan manual yang merangkumi 39 sungai di Malaysia.

Sejumlah (74%) sungai daripada 39 sungai yang dipantau telah menunjukkan IKA bersih, 148 (22%) adalah sederhana tercemar, manakala 1 (4%) tercemar (**Rajah 2.9**)

Parameter BOD, AN dan SS adalah masih menjadi indikator utama yang diukur kerana ia sangat berkaitan dengan pencemaran akibat pelepasan beban bahan pencemar sama ada daripada punca tetap atau punca tidak tetap yang boleh menjejaskan kualiti air sungai.

BOD adalah jumlah oksigen yang diperlukan oleh bakteria atau mikro organisma yang lain untuk menguraikan bahan organik. Kepekatan BOD yang tinggi kerap kali dikaitkan dengan pelepasan efluen yang berterusan daripada industri. AN adalah dikaitkan dengan aktiviti penternakan haiwan berkaki dan kumbahan domestik. Manakala SS dikaitkan dengan kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah yang tidak terkawal.



Rajah 2.9 JAS Kelantan : Tren kualiti air sungai 2018-2022

2.6.3 Status Pengawasan Kualiti Air Sungai Manual Mengikut Stesen

Pada tahun 2022, kualiti air sungai telah dinilai berdasarkan kepada sejumlah 491 sampel air sungai yang telah diambil daripada 83 stesen pengawasan manual yang terletak di 39 sungai. Stesen-stesen tersebut adalah terdiri daripada 70 stesen ambien, 2 stesen *baseline*, stesen di 10 atas muka sauk dan 1 stesen di hulu muka sauk terpilih. Kualiti air sungai turut dinilai berdasarkan data daripada 1 stesen pengawasan automatic.

Seperti tahun sebelumnya, pencemar utama yang dikesan adalah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Ammonia Nitrogen (NH₃-N) dan Pepejal Terampai (SS). BOD yang tinggi kerap kali dikaitkan dengan kumbahan dan effluen yang sebahagiannya dirawat daripada industri-industri pengilangan dan berasaskan pertanian. Punca utama NH₃-N pula boleh dikaitkan dengan aktiviti penternakan dan kumbahan domestik manakala punca utama SS adalah kerja-kerja tanah yang tidak teratur dan aktiviti pembukaan tanah.

Jadual 2.8 Kelantan : Kualiti sungai mengikut stesen 2022

NEGERI / STATE	LEMBANGAN / BASIN	SUNGAI / RIVER	NOMBOR STESEN / STATION NUMBER	NILAI IKA / WQI VALUE					KATEGORI IKA (2022) / WQI CATEGORY (2022)
				2018	2019	2020	2021	2022	
Kelantan	Sg. Golok	Sg. Golok	4DGLK002	83	87	86	93	91	B/C
		Sg. Golok	4DGLK003	90	90	94	97	94	B/C
		Sg. Golok	4DGLK004	86	82	87	93	89	B/C
		Sg. Golok	4DGLK005	80	86	89	93	90	B/C
		Sg. Golok	4DGLK006	83	84	86	91	88	B/C
		Sg. Jedok	4DGLK008	86	88	90	95	95	B/C
		Sg. Lanas	4DGLK007	85	86	84	94	90	B/C
		Sg. Tasik Garu	4DGLK001	78	76	80	85	82	B/C
	Sg. Kelantan	Sg. Aring	4DKLT013	76	76	79	80	83	B/C
		Sg. Belatop	4DKLT020	79	80	83	89	87	B/C
		Sg. Belatop	4DKLT021	86	86	87	96	93	B/C
		Sg. Belatop	4DKLT046	77	74	78	82	82	B/C
		Sg. Ber	4DKLT018	79	84	87	91	91	B/C
		Sg. Berok	4DKLT016	75	79	81	83	85	B/C
		Sg. Berok	4DKLT019	80	82	88	90	90	B/C
		Sg. Berok	4DKLT022	79	81	81	84	81	B/C
		Sg. Betis	4DKLT017	83	84	86	93	92	B/C
		Sg. Chiku	4DKLT037	84	83	88	88	90	B/C
		Sg. Chiku	4DKLT043	86	87	89	90	92	B/C
		Sg. Galas	4DKLT014	84	83	89	89	81	B/C
		Sg. Galas	4DKLT031	88	86	89	90	92	B/C
		Sg. Galas	4DKLT032	85	87	87	92	87	B/C
		Sg. Galas	4DKLT033	83	79	84	81	91	B/C
		Sg. Galas	4DKLT034	82	81	82	79	92	B/C
		Sg. Isos	4DKLT049	68	73	73	73	78	ST/SP
		Sg. Kelantan	4DKLT001	79	82	82	83	87	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT006	81	78	78	87	89	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT010	82	81	84	83	82	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT045	81	78	80	84	87	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT054	84	87	88	89	91	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT055	85	85	85	93	90	B/C
		Sg. Kelantan	4DKLT056	79	78	81	83	87	B/C
		Sg. Kelesa	4DKLT015	80	84	87	94	91	B/C
		Sg. Kenkren	4DKLT047	89	88	92	93	94	B/C
Sg. Kerilla	4DKLT002	89	87	92	94	94	B/C		
Sg. Kerilla	4DKLT003	89	90	91	94	93	B/C		
Sg. Ketil	4DKLT036	86	86	90	97	90	B/C		
Sg. Ketil	4DKLT053	86	84	90	96	90	B/C		
Sg. Lebir	4DKLT026	85	89	92	94	91	B/C		
Sg. Lebir	4DKLT027	80	78	85	87	79	ST/SP		
Sg. Lebir	4DKLT028	84	85	88	94	94	B/C		
Sg. Lebir	4DKLT029	82	82	84	87	81	B/C		
Sg. Lebir	4DKLT058	88	85	88	95	91	B/C		

NEGERI / STATE	LEMBANGAN / BASIN	SUNGAI / RIVER	NOMBOR STESEN / STATION NUMBER	NILAI IKA / WQI VALUE					KATEGORI IKA (2022) / WQI CATEGORY (2022)
				2018	2019	2020	2021	2022	
Kelantan	Sg. Kelantan	Sg. Muring	4DKLT059	88	84	85	92	90	B/C
		Sg. Nal	4DKLT007	87	89	89	93	90	B/C
		Sg. Nal	4DKLT008	81	85	88	91	89	B/C
		Sg. Nal	4DKLT009	83	85	87	91	88	B/C
		Sg. Nenggiri	4DKLT023	77	82	82	83	86	B/C
		Sg. Nenggiri	4DKLT024	80	80	83	86	87	B/C
		Sg. Nenggiri	4DKLT025	79	80	80	78	91	B/C
		Sg. Pehi	4DKLT011	89	87	88	92	91	B/C
		Sg. Pehi	4DKLT044	84	88	86	90	91	B/C
		Sg. Pelaur	4DKLT048	90	88	90	96	95	B/C
		Sg. Penangau	4DKLT050	81	82	78	87	89	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT004	91	93	91	96	97	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT005	90	89	90	95	94	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT038	89	92	94	96	97	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT039	91	92	94	97	97	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT040	92	93	94	97	97	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT041	86	87	90	94	93	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT051	92	92	91	96	97	B/C
		Sg. Pergau	4DKLT052	90	88	92	94	94	B/C
		Sg. Rasau	4DKLT061	78	81	80	80	85	B/C
		Sg. Relai	4DKLT012	80	83	90	91	88	B/C
		Sg. Relai	4DKLT030	86	86	88	91	94	B/C
		Sg. Sokor	4DKLT042	87	83	86	89	89	B/C
	Sg. Tuang	4DKLT035	89	87	90	94	91	B/C	
	Sg. Kemasin	Sg. Gali	4DKMS006	76	76	79	75	83	B/C
		Sg. Kemasin	4DKMS001	83	83	84	90	90	B/C
		Sg. Kemasin	4DKMS003	77	73	75	76	76	ST/SP
		Sg. Semerak	4DKMS002	86	84	85	91	88	B/C
		Sg. Semerak	4DKMS004	88	83	86	89	89	B/C
		Sg. Semerak	4DKMS005	85	88	80	77	80	ST/SP
	Sg. Pengkalan Chepa	Sg. Alor B	4DPCH003	57	48	65	63	59	T/P
		Sg. Alor Lintah	4DPCH004	62	61	76	68	70	ST/SP
		Sg. Keladi	4DPCH002	79	78	76	84	89	B/C
		Sg. Pengkalan Chepa	4DPCH005	62	50	68	70	70	ST/SP
		Sg. Pengkalan Chepa	4DPCH006	71	69	75	82	76	ST/SP
		Sg. Raja Gali	4DPCH001	72	73	79	87	81	B/C


	Sg. Pengkalan Datu	Sg. Pasir Hor	4DPDT00 4	78	67	73	77	75	ST/SP
		Sg. Pengkalan Datu	4DPDT00 1	75	76	83	86	88	B/C
		Sg. Pengkalan Datu	4DPDT00 2	80	73	83	87	85	B/C
